

03 OCT 1998

Muhyiddin-Olimpik

JAWATANKUASA OLIMPIK DITUBUH UNTUK OLIMPIK 2008

KUALA BERANG, 3 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan membentuk satu Jawatankuasa Olimpik pada bulan ini atau bulan depan bagi mengatur strategi untuk Malaysia menawarkan diri menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2008, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Jawatankuasa itu akan mengatur perancangan untuk Malaysia membuat penawaran menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2008 kepada Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) serta menghadapi sebarang saingan dari negara-negara lain yang turut berminat menjadi tuan rumah," katanya selepas menghadiri Program Motivasi Perdana di sini malam tadi.

Beliau akan mempengerusikan sendiri jawatankuasa itu di samping pihak kerajaan, Majlis Olimpik Malaysia dan beberapa pihak swasta yang terpilih menganggotai jawatankuasa berkenaan.

Katanya untuk berjaya sememangnya sukar tetapi Malaysia tetap menawarkan diri memandangkan kejayaan negara menganjurkan Sukan Komanwel ke-16 bulan lepas.

Hasrat menjadi tuan rumah Olimpik 2008 pernah dicetuskan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malaysia dikatakan mempunyai prasarana kemudahan sukan yang baik dan bertaraf antarabangsa dengan terbinanya Kompleks Sukan Nasional di Bukit Jalil berharga RM80 juta dan Perkampungan Sukannya iaitu 400 meter dari situ serta beberapa lagi venue sukan yang terdapat di sekitar bandaraya Kuala Lumpur.

Benua Asia pernah menganjurkan sukan tersebut apabila bandaraya Seoul, Korea Selatan terpilih menjadi tuanrumah Sukan Olimpik 1988.

Muhyiddin juga berkata lembaga pengurusan Kompleks Sukan Nasional di Bukit Jalil itu akan diperbadankan tidak lama lagi untuk mereka mengatur strategi bagi memastikan kompleks sukan itu tidak hanya tertumpu untuk aktiviti sukan sahaja.

Perbadanan itu nanti akan mempromosikan segala kemudahan di kompleks sukan tersebut untuk menganjurkan lain-lain aktiviti seperti pameran, hari keluarga dan sebagainya bagi memastikan ia digunakan sepenuhnya, katanya.

"Perbadanan itu akan mengadakan promosi untuk syarikat-syarikat tempatan dan luar negara untuk mereka menggunakan kemudahan di situ di samping mampu menarik lebih ramai pengunjung ke situ," katanya.

-- BERNAMA

SBS ZAB